



**PEJABAT PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI**  
**OFFICE OF THE SENIOR DIRECTOR OF PHARMACEUTICAL SERVICES**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**Ministry of Health Malaysia**  
Lot 36, Jalan Universiti, Petaling Jaya  
46200 SELANGOR  
MALAYSIA

Tel : 03-7841 3201  
Faks : 03-7968 2248  
Portal Rasmi : [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my)  
E-mel : [pejabatpkpf@moh.gov.my](mailto:pejabatpkpf@moh.gov.my)

Rujukan : Bil (32) dlm.BPFK/PPP/01/04 Jld.1

Tarikh : 09 September 2020

## **SEMUA SYARIKAT YANG BERKENAAN**

### **SEMUA PERSATUAN BERKENAAN (SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**

Tuan / Puan,

### **PEKELILING BERKENAAN PENDAFTARAN PRODUK PEMBASMI KUMAN PADA PERMUKAAN BENDA (SURFACE DISINFECTANT) SECARA SUKARELA (VOLUNTARY REGISTRATION)**

Adalah saya merujuk perkara di atas.

2. Ekoran daripada situasi pandemik COVID-19, terdapat peningkatan produk yang digunakan untuk nyahkuman permukaan benda di pasaran. Buat masa ini, produk sedemikian tidak dikawal oleh mana-mana bahagian atau institusi kerajaan yang khusus. Oleh kerana terdapat keperluan mendesak untuk memastikan tahap keselamatan dan keberkesanan produk *surface disinfectant* di pasaran, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan mandat kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) untuk mengawal selia produk tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, NPRA telah bekerjasama dengan wakil daripada pihak syarikat untuk membangunkan satu garispanduan mengenai prosedur dan keperluan pendaftaran produk tersebut. Garispanduan tersebut boleh diperolehi daripada portal rasmi NPRA iaitu [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my). Walau bagaimanapun, keperluan pendaftaran ini adalah secara **pendaftaran sukarela (voluntary registration)**. Pihak syarikat yang berminat boleh menghantar permohonan pendaftaran produk yang lengkap secara manual kepada Seksyen Kosmetik, Pusat Penilaian Produk dan Kosmetik, mulai **10 September 2020**.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT.NO : QMS 01408

4. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila berhubung dengan seksyen berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD YUSOF) RPh.1197**  
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

HA/ra/nsns/ks

✉ [nik@npra.gov.my](mailto:nik@npra.gov.my) / [kavitha@npra.gov.my](mailto:kavitha@npra.gov.my)

☎ +603 – 7883 5522/5530

## SENARAI EDARAN

1. Presiden  
Persatuan Kosmetik, Dandanannya Diri dan Haruman Malaysia  
*(The Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association of Malaysia, (CTFAM))*  
95-2, Block H,  
The Suites, Jaya One,  
72 A, Jalan Universiti,  
46200 Petaling Jaya,  
Selangor.
  
2. Presiden  
*Federation of Malaysian Manufacturers - Malaysian Cosmetics and Toiletries  
Industrial Group (FMM-MCTIG)*  
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU 9,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.